

# Syor lantik PM Setiausaha Agung PBB

UM 5 OCT 2002

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Ketua Wanita Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Datuk Kee Phaik Cheen mencadangkan diwujudkan usaha melantik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjawat jawatan sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas persaraannya Oktober tahun depan.

Beliau berkata, dengan kepimpinan dan keterampilan diri sebagai pemimpin Islam yang disegani di dunia, tidak ada sebab mengapa Perdana Menteri tidak layak menduduki jawatan tersebut.

“Inilah impian kami, melihat Perdana Menteri menjadi Setiausaha Agung PBB,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Wanita Gerakan sempena perhimpunan ke 15 parti itu di sini, hari ini.

Persidangan Pemuda dan Wanita Gerakan yang diadakan serentak dirasmikan oleh Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting dan turut dihadiri oleh Ketua Pemuda Barisan Nasional, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut Phaik Cheen, dengan keadaan PBB yang penuh dengan ketidakadilan, pertubuhan itu benar-benar memerlukan seorang pemimpin Islam yang sederhana seperti Dr. Mahathir menerajunya.

“Ini yang kita rasa dalam hati kita. Kita harap semua kita dapat berusaha ke arah ini,” katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Phaik Cheen meminta rakyat Malaysia menolak hukum hudud baru ala-Pas seperti yang diluluskan di Kelantan dan Terengganu kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan.

Katanya, hukum hudud yang digubal oleh Pas itu tidak boleh diterima dalam sebuah masyarakat moden, bertamadun dan progresif kerana ia secara jelas mendiskriminasi kaum wanita.

“Apa saja undang-undang yang melanggar prinsip hak asasi dan kesaksamaan perlu dihapuskan,” katanya.

Mengenai penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains, Phaik Cheen berkata, soal itu tidak seharusnya dijadikan isu politik.

Katanya, masyarakat perlu menyerahkan kepada pakar pendidikan untuk menyediakan sistem terbaik, sama ada ia bermula dengan bahasa ibunda atau kaedah penyerapan.

Choo Ting dalam ucapannya ketika merasmikan persidangan itu, berharap perwakilan memilihnya yang akan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden.